

## PENGGUNAAN KAEADAH DINOSAUR DALAM CARA MENULIS SAMBUNGAN HURUF YA (ゑ) DALAM PERKATAAN JAWI

Oleh

DYGKU NURUL ASHIKIN BTE AWANGKU FAZLEE  
[supbungkus93@gmail.com](mailto:supbungkus93@gmail.com)

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan membantu murid mempertingkatkan penguasaan kemahiran menulis sambungan huruf ya (ゑ) dalam perkataan jawi melalui penggunaan "Kaedah Dinosaur". Peserta kajian terdiri daripada tiga orang murid Tahun 3 di salah sebuah sekolah di bandaraya Kuching. Data dikumpul melalui pemerhatian, Ujian Pra, Ujian Pasca, dan temu bual. Dapatan kajian melibatkan semua peserta kajian yang lemah dalam menulis sambungan huruf ya (ゑ) dalam perkataan jawi menunjukkan peningkatan pencapaian yang positif dalam Ujian Pasca berbanding Ujian Pra. Malah, setiap kali melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, murid-murid mudah faham dan seronok mengaplikasikan kaedah ini. Ini jelas menunjukkan pengajaran dan pembelajaran guru menggunakan 'Kaedah Dinosaur' dalam menulis sambungan huruf ya (ゑ) dalam perkataan jawi mampu meningkatkan minat pelajar dalam proses pembelajaran serta mengukuhkan kefahaman mereka. Selain itu, kaedah ini mampu memberikan kesan positif terhadap kemampuan peserta dalam meningkatkan kemahiran penulisan menyambung huruf ya (ゑ) dalam perkataan jawi. Saya akan mengaplikasikan kaedah ini kepada murid-murid yang menghadapi masalah yang sama dalam bidang jawi pada masa akan datang.

*Kata Kunci:* kaedah dinosaur, kemahiran menulis, sambungan, huruf ya (ゑ), jawi

### ABSTRACT

This research held to help pupils increase their mastery writing the continuation of ya (ゑ) letter's skill in Jawi word using "Dinosaur Method". The participants of this research are three year 3 pupils from one of primary school in Kuching. The data were gathered via observation, pre and post-test and interview. The finding of this research for all participant that poor in writing the continuation of ya (ゑ) letter's skill at the pre-test shows their positive improvement during post-test. In fact, the pupils can understand easily and having fun every teaching and learning session. This clearly shows that the "Dinosaur Method" able to increase pupils' interest and stabilize their understanding. Besides that, this method able to bring positive impact towards participants' ability in increasing writing the continuation of ya (ゑ) letter's skill. In the future, I will apply this method to pupils that having the same problem in Jawi field.

*Keywords:* dinosaur method, writing skill, continuation, ya(ゑ) letter, jawi

## PENGENALAN

### Konteks

Saya merupakan seorang guru pelatih di bawah Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) ambilan Januari 2009 di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang Kuching, Sarawak. Saya menjalani latihan perguruan bagi opsyen Pendidikan Islam. Pada semester tujuh dan lapan, saya telah berpeluang menjalani praktikum dan internship di Sekolah Kebangsaan Sinar yang terletak di daerah Padawan, Kuching.

Jarak sekolah ini dari pekan atau bandar berdekatan ialah 6.9 km. Sekolah ini mempunyai 13 buah bilik kelas perdana, 3 buah bilik kelas pendidikan khas bermasalah pembelajaran dan 2 buah pra sekolah. Lokasi sekolah ini agak berdekatan dengan kawasan kilang simen dan perkampungan orang Melayu serta beberapa etnik. Namun demikian, jumlah murid yang beragama Islam di sekolah ini hanya minoriti berbanding murid yang menganut agama lain.

Di sekolah ini, saya berpeluang untuk mengajar subjek Pendidikan Islam bagi tiga buah kelas iaitu Tahun 3, Tahun 4 dan Tahun 5. Melalui pemerhatian saya semasa proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam Pelajaran Jawi bagi Tahun 3, saya dapat terdapat tiga orang murid yang masih keliru dan membuat kesilapan dalam menulis sambungan huruf ya (ي) dalam perkataan jawi.

Perkara ini amat membimbangkan saya sebagai seorang guru kerana saya merasakan kaedah pengajaran penulisan jawi sebelum ini kurang berkesan. Oleh itu, saya telah membuat keputusan untuk menjalankan kajian tindakan tentang satu kaedah yang baru, lebih mudah dan menarik untuk membantu murid dalam pelajaran jawi yakni bukan sahaja dari pembacaan malah turut penulisan. Menurut Ab. Halim Tamuri (2010), kemahiran mengajar dalam proses P&P mempunyai tiga komponen penting iaitu pendekatan, kaedah dan teknik. Oleh itu, seseorang guru yang ingin menguasai kemahiran mengajar perlulah menguasai ketiga-tiga elemen tersebut.

### Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Sepanjang praktikum dan internship yang lepas, ketika sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam berlangsung, dapat diperhatikan kebanyakan murid-murid Tahun 3 memang sudah pandai membaca dan mengeja jawi. Namun demikian, ketika saya meminta murid untuk menulis beberapa perkataan jawi dalam lembaran kerja, terdapat beberapa orang murid yang masih gagal menguasai cara penyambungan beberapa huruf jawi. Contohnya, ketika kelas pelajaran jawi yang lepas, murid memang tahu ejaan GIGI adalah (ي + إ + ي + إ). Akan tetapi, apabila murid diminta untuk menyambung huruf-huruf tersebut, kebanyakan jawapan mereka adalah salah.

Masalah ini telah saya bincangkan bersama guru Pendidikan Islam Tahun Tiga. Menurut temu bual bersama beliau, beliau telah menyatakan bahawa prestasi murid kelas tersebut dalam bidang jawi memang masih lemah dan perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Murid agak bermasalah dalam bidang penulisan terutama dalam menyambung huruf-huruf jawi. Beliau turut menyatakan bahawa pemulihan

dan bimbingan secara berterusan kepada murid yang lemah dapat membantu meningkatkan kemahiran penulisan murid dalam bidang jawi ini.

Melalui refleksi kendiri yang saya lakukan berdasarkan masalah tersebut, akhirnya idea untuk memperkenalkan “Kaedah Dinosaur” telah berhasil bagi membantu untuk mempertingkatkan penguasaan penulisan sambungan huruf ya (ي) dalam kalangan peserta kajian. Saya memikirkan dengan kaedah yang menarik sebegini, ia bertujuan membantu murid lebih mudah faham dan ingat cara menulis sambungan huruf ya (ي) dalam perkataan jawi.

Justeru, saya bertekad untuk menjalankan kajian lanjut mengenai kaedah dinosaur dalam penulisan sambungan huruf ya (ي) dalam perkataan jawi ini terhadap murid. Saya ingin melihat hasil pencapaian murid apabila mengaplikasikan kaedah ini.

### **Fokus Kajian**

Kajian tindakan tentang kaedah dinosaur yang saya laksanakan ini adalah tertumpu kepada tiga orang murid Islam Tahun 3 sahaja di SKS. Kaedah ini juga hanya tertumpu kepada cara menulis sambungan huruf ya (ي) sahaja dalam sesuatu perkataan jawi.

Ini disebabkan melalui pemerhatian beberapa minggu sebelum ini terutamanya ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung, kelemahan murid amat ketara ketika menyambung huruf ya (ي) dalam perkataan jawi telah membuktikan bahawa kaedah pengajaran yang dilaksanakan sebelum ini kurang berkesan.

Kaedah menulis penyambungan huruf ya (ي) yang saya laksanakan sebelum ini hanya menggunakan kaedah penerangan secara biasa sahaja tanpa mengaitkan dengan unsur seni. Jadi, saya dapat melihat respon dan penglibatan murid terhadap pembelajaran jawi adalah kurang aktif kerana menurut mereka menulis jawi sangat susah. Apabila tidak faham akan kaedah yang diterangkan, mereka menjawab soalan latihan mengikut cara tersendiri sehingga timbulnya masalah penulisan jawi dalam kalangan mereka.

Oleh itu, untuk menangani masalah ini daripada menjadi lebih kritikal, saya memperkenalkan kaedah dinosaur kepada peserta untuk menarik perhatian mereka kerana adanya unsur seni yang diterapkan, ia mampu menarik perhatian mereka. Menurut Ee Ah Meng (1997), Sekiranya murid berasa seronok ketika menjalankan sesuatu, perkara yang dialami diingati dengan lebih lama lagi.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

#### **Objektif Am**

Membantu meningkatkan penguasaan murid dalam penulisan jawi khasnya cara menulis sambungan huruf ya (ي) bagi sesuatu perkataan.

#### **Objektif Khusus**

- a) Mengenal pasti tahap pencapaian murid dalam menulis sambungan huruf ya (ي) pada kedudukan hadapan, tengah dan belakang dalam sesuatu perkataan jawi dengan tepat melalui penggunaan kaedah dinosaur.

- b) Sejauh mana pengajaran menggunakan kaedah dinosuar dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran saya.
- c) Meningkatkan minat murid murid terhadap pembelajaran jawi berdasarkan kaedah dinosuar.

### **Persoalan Kajian**

- a) Adakah kaedah dinosuar yang saya perkenalkan dapat meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan sambungan huruf ya (૧) dalam sesuatu perkataan jawi?
- b) Adakah kaedah dinosuar yang dijalankan dapat mempertingkatkan lagi keberkesanan kaedah pengajaran saya dalam bidang jawi Pendidikan Islam?
- c) Sejauh manakah keberkesanan penggunaan kaedah dinosuar dapat meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran jawi?

## **PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN**

### **Perancangan Tindakan**

Perancangan yang rapi telah saya lakukan sebelum, semasa dan selepas kajian tindakan ini dilaksanakan. Saya telah memilih untuk menjalankan kajian tindakan berbentuk kualitatif dan kuantitatif. Prosedur pelaksanaan kajian ini adalah berdasarkan model kajian yang dibina oleh Kurt Lewin.

Bagi memastikan kajian ini berjalan dengan lancar dan efektif, saya telah menyediakan kertas kerja kajian pada bulan Mac 2012. Selain itu, saya turut membuat bacaan tambahan melalui buku dan kajian-kajian lepas bagi mengetahui lebih lanjut mengenai masalah yang saya hadapi dan jalan penyelesaian yang perlu dipilih. Literatur berkaitan dan kajian lepas telah saya selitkan dalam kertas kerja. Perancangan pelaksanaan telah saya rangka dan jadualkan mengikut bahagian-bahagian tertentu supaya mudah untuk saya menjalankan kajian. Selain itu juga, instrumen pengumpulan data yang bersesuaian telah saya pilih bagi membantu kajian tindakan ini. Perbincangan bersama rakan yang turut melakukan kajian yang hampir sama telah saya lakukan untuk memastikan kajian tindakan yang saya laksanakan ini adalah bermutu.

### **Pelaksanaan Tindakan**

Kajian ini dilaksanakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam bagi bidang Pelajaran Jawi dan di luar waktu kelas yakni ketika masa lapang peserta kajian.

Penggunaan kaedah dinosuar dalam penulisan jawi hanya dikhususkan bagi penyambungan huruf ya (૧) sahaja dalam sesuatu perkataan. Jadi, setiap kali sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam Tahun 3 berlangsung terutamanya bagi bidang pelajaran jawi, saya telah memperkenalkan kaedah ini kepada murid seterusnya meminta mereka melakukan latihan atau permainan berdasarkan penerangan yang diberi.

Secara ringkasnya, sebelum melaksanakan kaedah dinosuar, saya telah menguji tahap pengetahuan dan kemahiran peserta dalam penulisan jawi menggunakan ujian pra. Apabila pencapaian murid diketahui melalui ujian tersebut, saya terus

memperkenalkan kaedah dinosaur kepada mereka. Melalui pemerhatian dalam kelas, setelah dikenal pasti ketiga-tiga peserta kajian telah faham cara mengaplikasikan kaedah dinosaur bagi menulis sambungan huruf ya (્ય), saya melaksanakan ujian terhadap mereka untuk menguji tahap kefahaman mereka.

Proses pelaksanaan kajian tindakan ini bermula dari tarikh 25 Jun 2012 sehingga 20 Julai 2012. Proses pelaksanaan ini adalah melibatkan 4 fasa utama. Berikut merupakan jadual pelaksanaan kajian tindakan terhadap kaedah dinosaur:

MINGGU/ FASA	TARIKH	AKTIVITI	CATATAN
1	25 Jun 2012	Mendapatkan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran (P&P).	Sesi P&P Pendidikan Islam untuk bidang jawi Tahun 3 adalah hari Isnin.
	26 Jun 2012	Merancang strategi waktu melaksanakan kajian dan mengumpul data.	
	27 Jun 2012	Pemilihan peserta kajian berdasarkan pencapaian mereka.	
	28 Jun 2012	Mendapatkan persetujuan peserta kajian dan ibu bapa/penjaga mereka.	Surat kebenaran untuk ibu bapa atau penjaga disampaikan melalui peserta kajian dan surat persetujuan ditandatangani oleh peserta kajian.
	29 Jun 2012	Membuat persiapan untuk sesi P&P pada 2 Julai 2012.	Perbincangan bersama guru pembimbing dan rakan yang menjalani internship.
	02 Julai 2012	Mengemaskini instrumen pengumpulan data Melaksanakan sesi P&P Jawi tanpa menggunakan kaedah dinosaur dan memberi Ujian Pra menulis jawi kepada murid.	
2	03 - 06 Julai 2012	Pengumpulan data melalui pemerhatian dan dicatat dalam refleksi Rancangan Pengajaran Harian (RPH).	
		Menganalisis latihan jawi peserta kajian.	Perbincangan bersama rakan sepengajian.

3	09 Julai 2012	Melaksanakan sesi P&P Pelajaran Jawi menggunakan kaedah dinosaur.  Pemerhatian terus dilakukan dan dicatat ke dalam refleksi harian.	Bahan bantu mengajar (BBM) visual dinosaur digunakan dan murid diberi peluang melukis sebelum belajar cara kaedah dinosaur.
	10-11 Julai 2012	Melaksanakan Ujian Pasca terhadap murid di luar waktu P&P.	Soalan ujian yang sama seperti Ujian Pra sebelum ini.
		Mengadakan temu bual bersama peserta kajian.	
	12-13 Julai 2012	Menganalisis hasil dapatan sepanjang 3 minggu Internship.	Perbincangan bersama pensyarah penasihat, mentor dan rakan-rakan.
4	17 - 18 Julai 2012	Mengemaskini hasil analisis dapatan dan menyemaknya semula.	
	19 - 20 Julai 2012	Menyediakan draf laporan kajian tindakan.	Perbincangan bersama mentor dan rakan-rakan.

## METODOLOGI

### Peserta Kajian

Saya telah menetapkan untuk melaksanakan proses P&P Pelajaran Jawi kepada kumpulan sasaran saya iaitu 26 orang murid daripada kelas Tahun 3. Seterusnya, hanya 3 orang murid sahaja diambil sebagai peserta kajian yang terdiri daripada seorang lelaki dan 2 orang perempuan. Saya telah mengambil keputusan untuk menjalankan kajian hanya ke atas 3 orang murid ini disebabkan kelemahan mereka dalam menulis sambungan huruf ya (૟) dalam perkataan jawi yang dikenal pasti melalui Ujian Pra.

PESERTA KAJIAN	CIRI-CIRI
Syamil	Merupakan seorang murid lelaki yang berada pada aras sederhana. Dia boleh mengeja dan membaca dengan baik. Kesalahan ejaan dalam bacaan pada tahap sederhana. Dia merupakan seorang murid yang sangat rajin dan suka membantu guru dan rakan-rakan. Seorang yang sangat ceria dan mudah didekati rakan-rakan
Lina	Merupakan seorang murid perempuan yang cerdik tetapi pendiam. Dia dapat membaca, mengeja dan menulis kebanyakan perkataan jawi dengan baik dan lancar. Kesalahan ejaan dalam bacaan pada tahap minima. Dia merupakan seorang murid yang rajin datang ke

sekolah dan sentiasa berusaha untuk menunjukkan sikap yang baik. Dia mempunyai keputusan yang baik dalam akademik dan sahsiah serta boleh bergaul dengan baik sesama rakan.

Siti Merupakan seorang murid perempuan yang agak lemah dalam penulisan jawi. Namun, dia seorang yang aktif di dalam bilik darjah serta rajin bertanya. Dia juga seorang yang suka membantu guru. Setelah lama mengenali dirinya, dapat diperhatikan dia seorang murid yang agak lambat memahami sesuatu perkara namun dia seorang yang rajin berusaha dan tidak cepat putus asa.

---

### **Etika Penyelidikan**

Etika penyelidikan adalah merupakan satu set nilai moral yang menjadi panduan penyelidik. Antara aspek-aspek yang perlu diberi perhatian dalam etika penyelidikan ini ialah kebenaran; penglibatan; kerahsiaan; anomiti; dan rundingan.

Bagi melaksanakan kajian ini, saya telah mendapatkan kebenaran melaksanakan kajian terhadap murid daripada pihak sekolah melalui surat yang dikeluarkan oleh Jabatan Penyelidikan IPGKBL. Selain itu, saya mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga peserta melalui surat. Tidak lupa, saya juga telah mendapatkan kebenaran peserta kajian dan guru Pendidikan Islam yang mengajar mereka. Saya telah menjelaskan objektif dan matlamat kajian ini kepada setiap yang berkenaan. Ketiga-tiga peserta kajian yang terlibat telah mendapat penjelasan mengenai matlamat kajian, kaedah pelaksanaan, faedah yang diperoleh dan masalah yang mungkin timbul melalui kajian ini.

Malah, saya turut memastikan bahawa hak setiap peserta kajian diutamakan mengikut etika penyelidikan. Saya turut merahsiakan identiti peserta kajian dengan tidak mendedahkan nama sebenar mereka. Maklumat ciri-ciri mereka yang tercatat di dalam laporan ini adalah dengan izin peserta kajian. Akhir sekali, saya juga perlu memastikan data yang telah dikumpul digunakan untuk kajian ini semata-mata. Hasil analisis data hanya boleh digunakan sebagai alat pengukuran untuk kajian ini sahaja.

### **Teknik Mengumpul Data**

#### **a) Pemerhatian**

Instrumen pengumpulan data secara pemerhatian agak popular dalam kalangan para penyelidik dan ia merupakan proses pengumpulan data yang berbentuk kualitatif. Menurut . Jadi, saya telah memutuskan untuk memilih cara ini kerana ia amat efektif dan saya dapat melihat sendiri bagaimana perjalanan perlaksanaan kajian tindakan ini dari peringkat awal hingga akhir. Semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung dalam kelas Tahun 3, saya telah melakukan pemerhatian tentang cara penulisan sambungan huruf ya (ي) dalam jawi yang dilakukan oleh tiga orang peserta kajian yang difokuskan iaitu Syami (bukan nama sebenar), Lina (bukan nama sebenar) dan Siti (bukan nama sebenar) melalui latihan individu dalam kelas atau permainan berkumpulan dari masa ke semasa.

**b) Temu bual**

Temu bual adalah pertemuan bersemuka, penemu bual boleh maklumat yang boleh menambahbaikkan kadar respons (Mok Soon Sang, 2010). Saya telah menjalankan temu bual tidak formal dan tidak berstruktur bersama beberapa responden kajian saya iaitu guru Pendidikan Islam Tahun 3, murid Islam Tahun 3 dan peserta kajian. Temu bual dirakam dengan menggunakan aplikasi perakam dalam telefon bimbit.

**c) Ujian Pra dan Ujian Pasca**

Menurut Ismail Abbas dan Fadzillah Mustapa (2007), mereka berpendapat bahawa kemahiran menulis perlu dikuasai oleh murid kerana kemahiran ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan kemahiran membaca. Kemahiran menulis merupakan alat penting yang perlu dikuasai oleh murid untuk menurunkan segala isi pelajaran dan melahirkan buah fikiran melalui apa yang dibaca. Jadi, Ujian Pra dilakukan sebelum kaedah dinosaurus dilaksanakan. Setelah kaedah tersebut diperkenalkan, Ujian Pasca dijalankan terhadap peserta kajian. Ujian tersebut menggunakan soalan yang sama iaitu 5 perkataan rumi yang perlu ditukarkan kepada tulisan jawi. Ujian tersebut dilakukan untuk menguji tahap kemahiran menulis jawi para peserta. Skor pencapaian peserta dikira melalui semakan jawapan.

**Teknik Menganalisis Data**

**a) Pemerhatian**

Hasil pemerhatian secara tidak berstruktur telah saya catatkan dalam bentuk refleksi Rancangan Pengajaran Harian. Melalui refleksi tersebut, saya mengenal pasti masalah-masalah dihadapi, menyenaraikannya dan cuba mencari jalan penyelesaian yang sesuai.

**b) Temu bual**

Proses temu bual yang telah dirakamkan dianalisis. Saya telah mendengar kandungan rakaman sebanyak tiga kali. Data yang dikumpul melalui temu bual diterjemahkan dalam bentuk transkrip. Seterusnya isi kandungan dalam temu bual yang penting dan berkaitan untuk menjawab persoalan kajian dicatat dan diuraikan lebih terperinci dalam bentuk penulisan.

**c) Ujian pra dan pasca**

i. Ujian Pra

Saya telah menyediakan lima soalan dalam Ujian Pra dengan peruntukan markah 20% bagi setiap soalan. Markah keseluruhan untuk ujian ini adalah 100%. Setiap jawapan yang betul membawa markah sebanyak 20%. Setelah ujian dilaksanakan, saya telah menganalisis markah ketiga-tiga peserta kajian. Hasil analisis markah dipersembahkan dalam bentuk jadual. Jadual analisis tersebut mengandungi jumlah skor markah peserta dan jumlah markah.

ii. Ujian Pasca

Ujian ini dilaksanakan setelah mendapat dan menganalisis keputusan Ujian Pra. Bentuk analisis yang telah saya lakukan untuk Ujian Pasca adalah sama seperti Ujian Pra sebelumnya. Saya turut menyediakan lima soalan seperti dalam Ujian Pra dengan peruntukan markah 20% bagi setiap soalan. Markah keseluruhan untuk ujian adalah 100%. Setiap jawapan yang betul membawa markah sebanyak 20%.

Setelah ujian dilaksanakan, saya terus menganalisis markah ketiga-tiga peserta kajian. Hasil analisis markah dipersembahkan dalam bentuk jadual. Jadual analisis tersebut mengandungi jumlah skor markah peserta dan jumlah markah. Berdasarkan peratusan markah peserta kajian yang diperolehi daripada Ujian Pasca, saya turut melakukan analisis min markah peserta kajian menggunakan rumus tertentu. Perbandingan antara markah Ujian Pra dan Ujian Pasca dianalisis menggunakan graf. Selain itu, julat antara keseluruhan markah peserta sebelum dan selepas dicatat dalam bentuk jadual.

### Teknik Menyemak Data

Cohen & Manion (1994) dan Altritcher et al (1993) dalam Buku Prosiding Penyelidikan Tindakan (2010), telah mencadangkan beberapa jenis triangulasi dalam penyemakan data seperti triangulasi masa, triangulasi metod dan triangulasi penyelidik. Ia amat penting untuk membezakan data yang diperoleh salah atau boleh dipercayai. Jadi, untuk memperoleh data yang benar-benar sah dan dipercayai, saya telah mengutip lebih banyak data untuk mendapat hasil yang terbaik. Bagi menyemak data, saya telah memilih kaedah triangulasi penyelidik untuk kajian yang saya jalankan.

Berdasarkan kepada kaedah triangulasi penyelidik, saya telah meminta pertolongan seorang rakan yang menjalani internship bersama saya iaitu Farhanah binti Rapihi untuk proses pengumpulan data. Malah, saya juga telah mendapatkan bantuan dan melakukan perbincangan bersama rakan sekelas saya yang menjalankan praktikum di sekolah yang lain mengenai kaedah analisis data yang telah terkumpul.

## REFLEKSI

### Refleksi Dapatan

**Adakah kaedah dinosaur yang saya perkenalkan dapat meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan sambungan huruf ya (ゑ) dalam perkataan jawi?**

Hasil kajian diperoleh daripada keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca menulis sambungan huruf ya (ゑ) dalam perkataan jawi ketiga-tiga peserta kajian. Bagi menyokong dapatan ini, saya akan mengemukakan hasil analisis Ujian Pra dan Ujian Pasca, pemerhatian dan temu bual.

Jadual 1 menunjukkan markah peserta semasa Ujian Pra. Manakala, jadual 2 menunjukkan markah peserta setelah Ujian Pasca dijalankan ke atas mereka.

*Jadual 1: Markah Ujian Pra menulis sambungan huruf ya (ゑ) dalam perkataan jawi*

Peserta Kajian	Skor jawapan ( / 5)	Jumlah markah ( / 5 X 100%)
Syamil	3/5	60
Lina	3/5	60
Siti	2/5	40


*Jadual 2: Markah Ujian Pasca menulis sambungan huruf ya (ঃ) dalam perkataan jawi*

Peserta Kajian	Skor jawapan ( / 5)	Jumlah markah ( / 5 X 100%)
Syamil	4/5	80
Lina	4/5	80
Siti	3/5	60

Jika dilihat secara kasar, memang terdapat perbezaan markah para peserta sebelum dan selepas kaedah dinosaur diperkenalkan. Jumlah skor para peserta dalam ujian kedua kelihatan meningkat berbanding sebelumnya.

Tahap pencapaian peserta kajian dalam Ujian Pasca menulis sambungan huruf ya (ঃ) bagi perkataan-perkataan jawi menunjukkan perkembangan yang positif. Walaupun tidak mencapai sasaran markah penuh yakni 100%, namun semua markah peserta kajian menunjukkan peningkatan yang lebih baik daripada Ujian Pra sebelumnya.

Rajah 1.1 menunjukkan graf perbandingan markah peserta untuk Ujian Pra dan Ujian Pasca:



*Rajah 1: Graf perbandingan Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Menulis Sambungan Huruf Ya (ঃ)*

Perbezaan min markah keseluruhan para peserta iaitu sebanyak 20 jelas menunjukkan bahawa penggunaan kaedah dinosaur dapat membantu peserta kajian dalam mempertingkatkan tahap penguasaan menulis sambungan huruf ya (ঃ) bagi perkataan jawi dengan lebih baik berbanding sebelumnya. Jadual 3 menunjukkan min markah keseluruhan peserta:

*Jadual 3 : Min markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Menulis Sambungan Huruf ya (ঃ) dalam perkataan jawi*

Jenis Ujian	Min =	Jumlah Markah Semua Peserta 3
Ujian Pra		53.3
Ujian Pasca		73.3

**Adakah kaedah dinosaur yang dijalankan dapat mempertingkatkan lagi keberkesanan kaedah pengajaran saya dalam bidang jawi Pendidikan Islam?**

Hasil kajian mengenai persoalan ini telah diperoleh melalui pemerhatian dalam kelas dan temu bual bersama guru mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun 3. Melalui pemerhatian tidak berstruktur yang saya jalankan sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas, saya dapatkan adanya perubahan tingkah laku peserta yang pada mulanya tidak berminat menjadi lebih minat dengan pelajaran jawi.

Sebelum adanya kaedah dinosaur, saya mempunyai masalah untuk membantu peserta faham cara penyambungan huruf ya (ゑ) dalam perkataan jawi. Jadi, saya telah melakukan temu bual bersama guru Pendidikan Islam Tahun 3 bagi membincangkan masalah yang dihadapi dan mencari jalan penyelesaian untuk merungkaikannya.

Setelah perbincangan dilakukan dan lahirnya idea untuk mencipta kaedah dinosaur, saya dapat membezakan sendiri tahap keberkesanan pengajaran saya sebelum dan selepas ia dipraktikkan di kelas. Melalui pemerhatian saya, dengan wujudnya grafik yakni visual dinosaur yang dikaitkan dengan bentuk huruf ya (ゑ), murid mudah faham dan cepat mengingat cara menyambung huruf ya (ゑ) dalam jawi. Aktiviti melukis dinosaur yang dilakukan sebelum aktiviti menulis perkataan jawi mampu menghidupkan semangat murid untuk belajar jawi sambil bermain. Malah, pencapaian murid dalam subjek Pendidikan Islam khususnya penulisan sambungan huruf ya (ゑ) dalam jawi semakin meningkat berbanding sebelumnya.

**Sejauh manakah keberkesanan penggunaan kaedah dinosaur dapat meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran jawi?**

Hasil kajian ini diperoleh daripada pemerhatian tidak berstruktur dan temu bual bersama murid-murid kelas dan peserta kajian sendiri.

Sepanjang sesi P&P Pendidikan Islam di kelas, sebelum adannya kaedah dinosaur, saya dapat majoriti murid amat aktif dan bersemangat semasa bidang ulum syariah dan akhlak diajarkan. Namun, jika waktu pelaksanaan pelajaran jawi, kebanyakan murid akan berdiam diri dan hanya bercakap bila ditanya. Merujuk kepada ketigatiga peserta kajian, semuanya memang sudah fasih mengeja dan membaca jawi tetapi dapat dikesan mereka masih lemah dalam penulisan bagi bahagian-bahagian tertentu khususnya penulisan sambungan huruf ya (ゑ).

Peserta kajian sedar akan kelemahan mereka apabila ditegur oleh guru, namun mereka masih melakukan kesalahan yang sama dalam menyambung huruf ya (ゑ). Pada mulanya, saya telah cuba mengajar mereka cara menyambung huruf ya (ゑ) tanpa kaedah dinosaur. Mereka faham tetapi setelah waktu pelajaran jawi tamat, saya dapatkan mereka terus lupa apa yang diajari. Apabila tidak ingat, mereka telah menyuarakan rasa kurang minat mereka terhadap penulisan jawi. Latihan yang diberikan juga disiapkan ala kadar yakni dengan tidak bersungguh-sungguh.

Namun, setelah kaedah dinosaur diperkenalkan, minat murid terhadap pembelajaran jawi semakin bertambah. Dapatkan ini disokong melalui transkrip temu

bual bersama peserta kajian apabila saya bertanyakan sama ada mereka suka atau tidak belajar jawi menggunakan kaedah dinosaur;

**“..Seronok sebab ada dinosaur...”**

(TB/SM/T2)

Selain itu, peserta kajian juga dapat mengingat cara menulis sambungan huruf ya (ya) pada bahagian depan, tengah dan belakang. Dapatkan ini disokong melalui temu bual bersama peserta kajian;

**“ Ingat!! Kalau depan, potong kepala ngan ekor...”**

(TB/SM/T2)

**“Kalau tengah...potong kepala ngan ekor. Eyh, leher jugak!”**

(TB/LN/T2)

**“Bahagian belakang..erm..potong bahagian kepala saja.”**

(TB/ST/T2)

Berdasarkan transkrip temu bual bersama peserta kajian tersebut, dapat dirumuskan bahawa penggunaan kaedah dinosaur dapat meningkatkan lagi minat murid terhadap pembelajaran jawi. Tidak secara drastik tetapi dapat dilihat adanya sedikit perubahan dari segi minat murid terhadap pelajaran jawi berbanding sebelumnya.

### **Refleksi Penilaian Tindakan**

Penggunaan kaedah dinosaur dalam menulis sambungan huruf ya (ya) dalam perkataan jawi yang telah saya perkenalkan dalam kajian ini diakui mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri. Kekuatan utama kaedah ini ialah dapat memberi semangat dan menarik minat murid-murid khususnya peserta kajian untuk mempelajari jawi. Temu bual bersama peserta kajian telah menunjukkan bahawa mereka seronok dan gembira mempelajari jawi bagi penulisan sambungan huruf ya (ya) dalam perkataan jawi menggunakan kaedah dinosaur.

Selain itu, dengan adanya pemilihan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang melibatkan unsur seni menjadikan peserta mudah tertarik dengan pembelajaran. Semasa saya memperkenalkan kaedah ini, murid terus tertarik apabila mendengar namanya sahaja. Selain itu, sebelum melaksanakan kaedah dinosaur, saya menunjukkan visual dinosaur. Kemudian, murid diminta untuk melukis semula bentuk dinosaur tersebut. Setelah itu, saya terus menerangkan kaitan antara bentuk badan dinosaur dengan bentuk huruf ya (ya) dan cara mengaplikasikannya dalam penulisan jawi. Pemilihan kaedah dan strategi P&P yang tepat dapat membantu meningkatkan minat murid terhadap pengajaran yang disampaikan. Di samping itu, ia dapat membantu mempertingkatkan pencapaian murid dalam subjek tersebut.

Kelemahan yang terdapat dalam penyelidikan tindakan ini adalah dari aspek persempahanan visual. Aktiviti melukis yang dilakukan oleh murid telah mengambil banyak masa pembelajaran, malah penerangan cara menulis sambungan huruf ya (ya) dalam jawi melibatkan masa yang agak panjang. Oleh itu, kaedah ini perlu dilaksanakan dalam dan luar waktu kelas disebabkan kekangan masa. Saya telah melaksanakan proses penerangan sebanyak tiga kali tentang cara penggunaan kaedah dinosaur dalam penulisan jawi untuk membantu peserta sehingga faham

dan ingat. Penerangan secara teliti sangat perlu bagi mengelakkan murid tidak faham akan kaedah baru yang disampaikan.

### **Refleksi Pembelajaran Kendiri**

Sebagai seorang bakal pendidik, saya sedar akan tanggungjawab untuk mendidik bukanlah mudah. Jadi, saya perlu bersedia dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran, kekuatan fizikal dan mental dan sebagainya demi menghadapi cabaran pada masa akan datang. Hasil pembelajaran yang tidak dapat dicapai sepenuhnya adalah antara cabaran besar yang perlu dihadapi dalam bilik darjah. Selain itu, kerena murid yang pelbagai juga menjadi cabaran buat saya untuk bersedia menghadapinya dengan tenang pada masa akan datang.

Proses membuat refleksi terhadap setiap amalan kendiri membantu saya untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi seterusnya merancang tindakan yang sesuai berdasarkan teori-teori tertentu untuk menyelesaiannya. Pemikiran secara reflektif turut memberi inspirasi kepada diri saya untuk bertindak dengan wajar semasa menghadapi masalah serta yakin bahawa setiap masalah pasti ada jalan penyelesaiannya.

Dalam aspek ketrampilan, saya telah berpeluang untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dan menambah ilmu pengetahuan khususnya bidang Pendidikan Islam. Dengan adanya pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki, saya yakin dan bersedia untuk menyampaikannya kepada orang yang memerlukannya. Selain itu, saya juga berpeluang untuk memperbaiki kemahiran penulisan dalam Bahasa Melayu yang betul dan tepat melalui proses menyediakan kertas kerja, laporan akhir dan artikel kajian tindakan ini.

### **Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya**

Berdasarkan peningkatan tahap minat dan pencapaian murid dalam penulisan dan pembelajaran jawi, saya berhasrat untuk memperkembangkan kajian ini pada peringkat yang lebih luas. Penggunaan unsur seni yang bersesuaian untuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dapat membantu menaikkan semangat murid untuk belajar. Selain itu, saya juga boleh menggunakan kaedah visual yang lain-lain dalam bidang pengajaran Pendidikan Islam yang lain seperti Al-Quran, Aqidah, Akhlak, Ibadah dan Sirah. Antara bidang yang saya rasakan sesuai menggunakan elemen seni seperti visual, muzik dan sebagainya adalah bidang aqidah. Melalui seni, nasyid berkaitan tajuk pengajaran boleh disampaikan. Jika dari segi visual, guru boleh memaparkan gambar-gambar ciptaan Allah kepada murid-murid dan mengaitkannya dengan tajuk pelajaran. Penggunaan unsur seni dalam pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja dapat menarik minat murid malah ia juga dapat membantu murid untuk mengingat.

## **RUJUKAN**

- Ab. Halim Tamuri. (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ee Ah Meng.(1997). *Psikologi Pendidikan II*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ismail Abbas, Fadzillah Mustapa, (2007) *HBIS 1103 Pengenalan Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: UNITEM Sdn.Bhd.
- Mok Soon Sang. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- PISMP Januari 2007. (2010). *Buku Prosiding Penyelidikan Tindakan 2010*. Kota Samarahan: IPTAR.